

Ubah etika, rutin cabaran terbesar penjawat awam

Jason Santos DE 26.05.2012 6

KOTA KINABALU: Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof Datuk Seri Dr Kamaruzaman Hj Ampon berkata, cabaran terbesar kakitangan awam sekarang ini adalah untuk mengubah etika dan rutin kerja mereka untuk peranan yang lebih besar sebagai pekerja berpendidikan.

Kakitangan awam seharusnya mampu meramal perubahan, berani membuat keputusan dan menghadapi risiko akan keputusan yang diambil, secara kreatif dan inovatif, katanya.

“ Kerajaan sekarang ini sedang menyediakan perkhidmatan awam yang berkecenderungan,” katanya, sambil menambah, “perkara itu akan diambil kira dalam Sistem Saraan Malaysia dengan tujuan menjadikan hasil kerja perkhidmatan awam lebih produktif, inovatif dan kreatif.”

“ Kajian itu bukan sahaja akan melihat kepada aspek saraan semata-mata tetapi juga mewujudkan struktur dan sistem dinamik untuk menterjemahkan Agenda Tyransformasi Kerajaan,” kata Dr Kamaruzaman.

Dengan itu, beliau menggesa kakitangan kerajaan supaya mengubah daya pemikiran mereka untuk disesuaikan dengan waktu semasa bagi mencapai kecemerlangan.

Katanya, memandangkan kecemerlangan bukanlah sesuatu yang mudah dicapai di tengah-tengah globalisasi dan cabaran ekonomi, maka kejayaan pertubuhan terletak atas bahu pekerjaanya.

“ Pengorbanan besar dan keazaman yang tinggi diperlukan supaya negara boleh ditingkatkan hingga ke tahap setara di peringkat antarabangsa.

“ Kuncinya terletak dalam pengetahuan, dengan itu, pembangunan sumber manusia perlu dipertingkatkan seperti apa yang difokuskan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan,” kata Dr Kamaruzaman semasa majlis Anugerah Perkhidmatan Kakitangan UMS 2011 di UMS pada Khamis.

Katanya, mengikut Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam 2002, ramuan perkhidmatan cemerlang adalah apabila kakitangan telah menjalankan tugas mereka di luar skop tanggungjawab mereka.

“ Dengan itu, kerja tersebut juga harus



KAMARUZAMAN (kiri) menyampaikan anugerah kepada Felix.

menjadi contoh untuk mendorong orang lain melakukan yang terbaik,” tambahnya.

Beliau juga berkata, kakitangan hendaklah melengkapkan diri mereka dengan pengetahuan dan kemahiran bagi meningkatkan kualiti kerja mereka.

Sementara itu, Dr Kamaruzaman mengucapkan tahniah kepada semua penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang itu.

Tahun ini, universiti itu menganugerahkan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang kepada 1,395 kakitangan dan 30 yang lain menerima Anugerah Inovasi.

Menurut Ketua Pendaftar UMS, Datuk Abdullah Hj Mohd Said, anugerah itu diberi berdasarkan 16 kategori bagi mereka yang hendak bersara, sumbangan mereka, penguurusan kewangan, penerbitan buku, lanskap terbaik dan lain-lain.

Antara penerima termasuk artis tempatan Felix Agus yang bekerja di Bahagian Perhubungan Korporat UMS sementara Anugerah Khas Naib Canselor diberikan kepada Darwis Manainus Awg Kangit.